

Pengetahuan dan Amalan Kelestarian Alam Sekitar di Kawasan Majlis Perbandaran Sepang, Selangor

The Knowledge and Practice of Environmental Sustainability in Sepang Municipal Council, Selangor

MOHD AZLAN ABDULLAH, NORAZIAH ALI, JUNAIDI AWANG BESAR, ROSNIZA AZNIE CHE ROSE,
SITI KHATIJAH ZAMHARI & ZURIATUN FADZLIAH SAHDAN

ABSTRAK

Pembangunan amat diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan manusia. Namun, keghairahan dalam mengejar pembangunan yang pesat seringkali menyebabkan aspek kelestarian alam sekitar diabaikan. Artikel ini bertujuan membincangkan tahap pengetahuan dan amalan penduduk di sekitar Majlis Perbandaran Sepang berkaitan kelestarian alam sekitar. Kaedah kajian yang digunakan adalah berasaskan kaji selidik dalam kalangan penduduk yang tinggal di kawasan perumahan di sekitar Majlis Perbandaran Sepang. Kajian ini mendapati bahawa tahap kelestarian alam sekitar di kawasan Majlis Perbandaran Sepang adalah sederhana berdasarkan pengetahuan dan sikap responden. Walaupun lebih 80% responden mempunyai tahap pengetahuan yang agak tinggi, tetapi dari segi amalan kelestarian alam sekitar menunjukkan nilai yang agak rendah. Selain itu kelemahan dalam pengurusan alam sekitar oleh pihak berwajib juga didapati menyumbang kepada masalah alam sekitar di kawasan kajian. Dalam hal ini, pengetahuan asas tentang kelestarian alam sekitar yang berada pada tahap sederhana masih tidak mencukupi dalam mewujudkan sebuah komuniti dan persekitaran lestari di kawasan tersebut.

Kata kunci: Kelestarian; alam sekitar; perbandaran; komuniti lestari; bandar lestari

ABSTRACT

Development is needed to improve human living standard and well-being. However, the enthusiasm in pursuing rapid development often causes environmental aspect being ignored. This article aims to discuss residents' knowledge and attitudes regarding environmental sustainability in Sepang Municipal Council. Method used in this study is based on the questionnaires surveyed among people who are residing in the Sepang Municipal Council. The study found out that the level of sustainability among Sepang Municipal Council's resident are at moderate level based on the knowledge and attitudes of the respondents. Although, most respondents have relatively high level of knowledge, but in terms of sustainability practices, it shows a relatively low value. In addition, the weaknesses in environmental management by the authorities also prevailed in the result, thus it needs to be improved. In this case, the basic knowledge about environmental sustainability in the study area at a moderate level and a lot more needed to be done in order to secure a significant level of environmental sustainability awareness being achieved.

Keywords: Sustainability; environment; urbanization; sustainable communities; sustainable city

PENGENALAN

Lestari, kadangkala disebut mampan merupakan suatu konsep yang menekankan keseimbangan aktiviti sosial dan ekonomi manusia dan kesannya terhadap persekitaran bagi memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa menjejaskan keperluan generasi

masa akan datang. Dalam perkataan yang lain, istilah kelestarian membawa maksud perihal apa sahaja amalan manusia berkaitan penggunaan sumber secara terancang bagi memastikannya sentiasa berkekalan tanpa mencetuskan impak buruk kepada manusia dan persekitaran. Sebenarnya istilah kelestarian dicernakan daripada konsep pembangunan lestari.

Mengikuti World Commission On Environmental Development (1987), pembangunan lestari merupakan pembangunan yang memenuhi kehendak dan keperluan generasi masa sekarang tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Pembangunan lestari juga menekankan kawalan kependudukan, makanan, keselamatan dan sumber tenaga. Oleh itu konsep pembangunan lestari menekankan agar masyarakat dunia hidup dalam had daya tampung planet bumi. Konsep pembangunan lestari

juga berhubung kait dengan banyak hal termasuk norma dan nilai yang cenderung berkembang di dalam tradisi dan budaya dan juga berhubung dengan perbezaan alam sekitar geografi yang sudah tentu mempunyai lingkungan khusus. Walaupun terdapat beberapa definisi yang berbeza berkenaan konsep pembangunan lestari ini, tetapi kesemua definisi tersebut mempunyai tema yang dikongsi bersama iaitu alam sekitar (*environment*), masa depan (*futuristic*) dan kesaksamaan (*equity*) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Ciri-ciri Pembangunan Lestari

Alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan yang benar-benar mengambil kira akibat kegiatan manusia terhadap alam sekitar dan kesihatan.
Kesaksamaan sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan yang menyumbang kepada pemerolehan dan kawalan sumber yang lebih wajar
Ekonomi manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan sosial dan ekonomi yang membantu masyarakat memenuhi keperluan asas.
Masa hadapan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan bahawa keputusan yang diambil tidak merosakkan atau menjejaskan kepentingan generasi masa hadapan.
Penyertaan	<ul style="list-style-type: none"> • Proses yang membolehkan seluruh masyarakat terlibat
Tindakan tempatan/impak global	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan tempatan yang menyumbang kepada resolusi isu global

Sumber: WCED, 1987.

Di peringkat lokal, pelaksanaan konsep kelestarian diperincikan melalui Agenda 21. Bab 28 dalam Agenda Tempatan 21 menekankan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan pembangunan lestari di peringkat tempatan. Agenda Tempatan 21 merupakan suatu program yang menekankan penglibatan tiga pihak, iaitu PBT, masyarakat dan sektor swasta bekerjasama dalam merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan lestari dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Antara inti pati Agenda Tempatan 21 ialah pemeliharaan dan pengurusan sumber untuk pembangunan, melindungi atmosfera, memerangi ketandusan hutan, melindungi alam sekitar, memelihara kepelbagaian hidupan dan mengawal pencemaran. Agenda Tempatan 21 turut menekankan pembangunan bandar lestari dengan mengambil kira keupayaan menampungnya dari segi penggunaan sumber, penjana sisa buangan serta kadar pencemaran yang dicituskan ke atas bandar dan kawasan sekelilingnya (White & Whitney 1992). Dalam hal ini, pembangunan bandar lestari juga perlu memberi penekanan kepada prinsip keadilan sosial, keperluan asas manusia, kesihatan awam dan kesedaran persekitaran dari segi ruang dan masa. Salah satu mekanisme yang boleh dilakukan untuk mencapai pembangunan lestari tersebut adalah melalui dimensi ekonomi bandar (Drakakis 1997). Motif utama ekonomi lazimnya tertumpu kepada keuntungan dan kekayaan

material semata-mata tanpa mengambil kira impaknya terhadap alam sekitar. Oleh itu melalui konsep kelestarian ini, aktiviti ekonomi bandar akan dinilai dari segi impak kesihatannya terhadap persekitaran dan faedahnya dalam jangka masa panjang.

Dalam konteks Malaysia, kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar adalah secara relatifnya agak baru berbanding dengan negara maju yang lain. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, perkara yang menjadi keutamaan ialah menggalakkan pertumbuhan per kapita dan menstabilkan ekonomi negara dengan cara mengeksploitasi sumber logam dan sumber semula jadi seperti hutan (Chelliah 1990). Pembangunan ekonomi yang berkembang dengan rancak ini turut meningkatkan kemerosotan alam sekitar (Jamaluddin Jahi 2010). Namun, masalah kependudukan yang tinggi juga menjadi salah satu isu dalam pengurusan alam sekitar yang mampan. Penduduk cenderung untuk berhijrah ke kawasan bandar yang menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dan kemudahan sosial yang lengkap. Ini menyebabkan kadar pembandaran di kawasan bandar lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar. Justeru itu, tumpuan penduduk di kawasan bandar akan menimbulkan beberapa isu dan permasalahan yang melibatkan penyediaan perumahan, kemudahan asas dan infrastruktur, pekerjaan serta pengurusan alam sekitarnya. Hal ini dapat dilihat di daerah Sepang yang telah mencatatkan pertumbuhan

penduduk yang tinggi antara tahun 1991 hingga 2000 dengan kadar purata tahunan 6.47% (Ruslan Rainis et al. 2006) akibat pembangunan pesat yang berlaku di sekitarnya. Penempatan penduduk di sesuatu kawasan turut mewujudkan aktiviti sosial dan ekonomi sebagai keperluan asas bagi penduduk bandar tersebut. Penggunaan sumber serta penjana sisa buangan yang relatif tinggi di kawasan bandar telah menjadi cabaran besar kepada pihak berkuasa tempatan untuk mewujudkan sebuah kawasan yang lestari. Bagi perbincangan lanjut, makalah ini bertujuan membincangkan tahap pengetahuan dan amalan penduduk di sekitar Majlis Perbandaran Sepang berkaitan amalan kelestarian serta mengkaji keberkesanan peranan pihak berkenaan dalam usaha melestarikan alam sekitar di kawasan tersebut.

METOD DAN DATA KAJIAN

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan menggunakan tiga cara iaitu:

1. Pemerolehan data primer melalui kaji selidik di lapangan dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang melibatkan seramai 612 orang responden yang dipilih secara rawak dari beberapa kawasan perumahan di sekitar Majlis Perbandaran Sepang. Kriteria pemilihan responden adalah berdasarkan penduduk yang berumur melebihi 20 tahun dengan andaian bahawa golongan tersebut adalah yang dapat berfikiran matang dan rasional.
2. Pemerhatian di lapangan bagi meninjau keadaan persekitaran, kemudahan yang disediakan serta maklumat lain berkaitan.
3. Pemerolehan data sekunder berkaitan maklumat pembangunan di kawasan kajian serta maklumat berkaitan kelestarian alam sekitar.

Instrumen utama dalam kajian ini ialah penggunaan borang soal selidik. Komponen soal selidik terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama berkenaan profil responden, manakala bahagian kedua pula adalah berkaitan persekitaran kediaman responden dan bahagian ketiga merangkumi maklumat pengetahuan dan sikap terhadap penjagaan alam sekitar. Bahagian terakhir meliputi amalan dan pandangan terhadap penjagaan alam sekitar. Daripada segi penganalisisan data, teknik frekuensi dan peratusan digunakan di samping analisis *cross-tabulation*. Dari segi kawasan kajian, kawasan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang dipilih kerana kedinamikan pembangunan yang dialami di kawasan tersebut dan kawasan sekitarnya misalnya pembinaan projek mega negara seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Litar Lumba Formula 1 Sepang, Cyberjaya dan Putrajaya. Selain itu, lokasi Majlis Perbandaran Sepang sangat strategik kerana bersempadan dengan Putrajaya dan Wilayah Lembah Klang serta terangkum dalam

kawasan koridor pembangunan aktif negeri Selangor, iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC), Koridor Persisiran Pantai Selatan, Koridor Pulau Carey-Kajang dan Koridor Morib-Salak Tinggi. Dalam hal ini, kawasan Daerah Sepang telah menjadi destinasi projek pembangunan baru dan tumpuan pembinaan kawasan perumahan, kawasan perniagaan, institusi penyelidikan dan pendidikan dan industri berkaitan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PROFIL RESPONDEN

Daripada 612 responden dalam kajian ini, sebanyak 85.4% terdiri daripada kaum Melayu, 8.7% kaum India dan diikuti oleh 3.9% kaum Cina dan 2.0% lain-lain kaum. Dari segi umur, responden telah dibahagikan kepada lima kumpulan umur. Didapati bahawa kumpulan umur 36 hingga 40 tahun adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 31.8%. Ini diikuti oleh kumpulan umur 21 hingga 25 tahun sebanyak 24.3% manakala responden yang berumur 41 tahun dan ke atas sebanyak 9.7%. Selain itu, kebanyakan responden terdiri daripada golongan yang telah berkahwin iaitu 69.8% berbanding 24.7% yang belum berkahwin, manakala 5.5% bercerai. Dari segi tahap pendidikan, sebanyak 55.2% responden mendapat pendidikan menengah, 9.8% sekolah rendah, 29.1% pendidikan di peringkat tertiar manakala 5.9% responden yang tidak mendapat pendidikan formal. Dari segi pekerjaan pula, kebanyakan responden terdiri daripada suri rumah iaitu sebanyak 40.9%, diikuti 15.4% peniaga, 11.5% pegawai kerajaan, 9.8% pekerja kilang, 9.7% pegawai swasta, 4.3% buruh, 4.2% tentera/polis, dan 4.2% pesara. Dari segi tempat kediaman, sebanyak 37.7% responden mendiami rumah teres satu tingkat ini diikuti rumah kampung sebanyak 34.2%, rumah teres dua tingkat sebanyak 23.0%, rumah banglo 4.9% dan rumah setinggan 0.2%.

PENGETAHUAN DAN AMALAN PENJAGAAN ALAM SEKITAR

Kajian ini menunjukkan bahawa 89.7% responden sedar akan kepentingan penjagaan alam sekitar berbanding 10.3% yang tidak peka (Jadual 2). Selain itu, didapati 53.8% responden tahu bahawa sumber alam memberi manfaat kepada manusia berbanding 8.9% yang tidak tahu dan 3.6% lagi tidak pasti tentang pernyataan tersebut. Kajian ini juga cuba mengesan sejauh mana responden tahu mengenai perubahan ekosistem akibat penerokaan sumber semula jadi. Didapati bahawa 53.8% responden mengetahui bahawa sumber yang diterokai boleh mengancam ekosistem. Hanya 8.9% sahaja responden tidak mengetahui akan hal tersebut manakala 3.6% lagi tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa responden peka terhadap segala perubahan

yang berlaku terhadap ekosistem akibat daripada aktiviti manusia sama ada untuk tujuan pembangunan, pertanian, perindustrian mahupun pembinaan kawasan perumahan. Kajian ini juga menunjukkan pengetahuan responden terhadap penggunaan sumber yang diproses akan menghasilkan sisa buangan. Kajian mendapati

bahawa 56.7% responden mengetahui tentang perkara ini, manakala 10% pula tidak tahu bahawa sumber yang diproses mampu menghasilkan sisa buangan. Dalam hal ini kesedaran di kalangan responden ini perlu ditingkatkan untuk melahirkan pengguna yang lestari.

JADUAL 2. Tahap Pengetahuan Responden terhadap Beberapa Pemboleh Ubah Terpilih

Pemboleh ubah / indikator	Sangat Tahu (%)	Tahu (%)	Tidak Tahu (%)	Sangat Tidak Tahu (%)	Tidak Pasti (%)
Kepentingan penjagaan alam sekitar	35.7	54.0	6.4	1.1	2.8
Manfaat sumber alam	33.4	53.8	8.9	0.3	3.6
Impak penerokaan sumber alam	33.4	53.8	8.9	0.3	3.6
Pemproses sumber menghasilkan sisa	29.0	56.7	10	0.5	3.8
Pelupusan sisa buangan dengan betul	37.7	54.8	4.2	0.7	2.6
Kewujudan pusat kitar semula	16.0	35.9	26.2	5.9	16.0
Peranan MPSEpang	17.5	45.6	15.8	10.5	10.6
Peranan NGO	17.7	45.6	22.6	3.4	10.7
Peranan pihak swasta	14.7	45.0	21.7	8.4	10.2
Kefahaman Agenda 21	0	35.6	64.4	0	0

Sumber: Kerja lapangan 2011

Pembuangan sisa domestik yang tidak terkawal boleh mendatangkan masalah kepada alam sekitar dan juga manusia (Hasnah Ali et al. 2010). Kesihatan manusia akan terjejas sekiranya persekitaran yang didiami tidak bersih dan tidak selamat. Oleh itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui sama responden di sekitar kawasan Sepang peka terhadap pelupusan sisa buangan domestik. Didapati bahawa 54.8% responden tahu bahawa sisa buangan domestik perlu dilupus demi kebersihan kawasan perumahan dan menjamin kesihatan persekitaran, manakala 4.3% responden pula tidak tahu bahawa sisa buangan ini perlu dilupus dan 2.6% lagi tidak pasti mengenai pelupusan sisa buangan domestik.

Masalah penghasilan sisa buangan domestik dilihat semakin meningkat terutama di kawasan-kawasan perumahan. Peningkatan sisa buangan domestik ini disebabkan oleh penambahan penduduk di kawasan bandar (Hamidi Ismail 2004). Keadaan ini membimbangkan semua pihak kerana banyak tapak pelupusan sampah ditutup kerana tidak mampu lagi untuk menampung penambahan sisa domestik tersebut. Selain kekangan pihak berwajib untuk mendapatkan tapak pelupusan yang baru dan sesuai, kos yang tinggi juga menimbulkan masalah dalam pelupusan sisa buangan domestik tersebut (Hasnah et al. 2010). Oleh itu, program kitar semula dirangka untuk mengurangkan sisa buangan domestik tersebut. Namun program kitar semula tersebut gagal membuahkan hasil. Kemudian pada akhir tahun 2000 program tersebut dilancarkan semula berikutan masalah penambahan sisa buangan domestik (Hamidi Ismail 2004). Pusat-pusat kitar semula mula dibangunkan di kawasan perumahan dan kawasan

perindustrian. Daripada kajian ini, 35.9% responden tahu tempat kitar semula di kawasan yang berhampiran, diikuti oleh 16.0% responden yang sangat tahu tentang tempat kitar semula tersebut, 26% responden tidak tahu, manakala 5.9% pula tidak tahu langsung tentang kewujudan tempat kitar semula di kawasan petempatan mereka.

Kefahaman tentang penjagaan alam sekitar adalah penting kerana ia dapat membantu mengekalkan kelestarian alam sekitar. Penjagaan alam sekitar membolehkan sesebuah kawasan perumahan tersebut bersih dan selamat untuk didiami serta bebas daripada masalah pencemaran yang boleh menggugat kesihatan manusia dan hidupan lain. Daripada kajian ini, 54% responden tahu tentang kepentingan penjagaan alam sekitar. Tetapi masih ada juga kalangan responden yang tidak tahu mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kehidupan seharian. Hal ini membimbangkan kerana kurangnya kefahaman tentang penjagaan alam sekitar boleh menyebabkan mereka cenderung untuk tidak mengamalkan gaya hidup yang lestari.

PENGETAHUAN TERHADAP PERANAN PIHAK TERLIBAT DALAM PENJAGAAN ALAM SEKITAR

Masyarakat di sesebuah kawasan seharusnya peka terhadap peranan pihak berkuasa tempatan dalam hal penjagaan alam sekitar. Daripada kajian ini, 45.6% responden mengetahui peranan Majlis Perbandaran Sepang, manakala 15.8% responden tidak tahu (Jadual 2). Majlis Perbandaran Sepang bertanggungjawab dalam memastikan kawasan perumahan bersih dan selamat

untuk didiami. Hal ini dapat dilihat apabila Majlis Perbandaran Sepang telah mengambil inisiatif untuk membersihkan kawasan perumahan misalnya melalui aktiviti gotong-royong yang melibatkan pelbagai pihak. Kebanyakan responden juga tahu tentang peranan badan bukan kerajaan dalam usaha untuk menguruskan alam sekitar. Hal ini dapat dilihat apabila 45.6% responden mengatakan bahawa mereka tahu akan peranan badan bukan kerajaan tersebut manakala hanya 10.7% responden tidak pasti. Peranan syarikat swasta juga penting dalam membantu untuk melestarikan alam sekitar. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa bilangan responden yang tahu mengenai peranan syarikat swasta adalah 45.0%. Alam Flora merupakan sebuah syarikat swasta yang mengendalikan urusan pemungutan sampah di Semenanjung Malaysia. Selain itu, terdapat juga syarikat swasta yang mengendalikan program kitar semula. Hanya 10.2% responden tidak pasti tentang peranan syarikat swasta dalam mengendalikan pengurusan alam sekitar. Berhubung pengetahuan mengenai Agenda 21, kajian menunjukkan bahawa 64.4% responden tidak tahu mengenai Agenda 21 sebagai usaha untuk melestarikan alam sekitar berbanding 35.6% yang tahu. Pendedahan maklumat terhadap penjagaan alam sekitar adalah penting dalam melahirkan pengguna yang lestari. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden memperoleh maklumat mengenai penjagaan alam sekitar melalui televisyen iaitu 92.2%, berbanding 7.8% daripada sumber lain seperti akhbar, radio, poster dan internet.

AMALAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Daripada segi pengurusan sisa buangan, kajian ini menunjukkan 58.7% responden mengamalkan pembuangan sisa pepejal ke dalam tong sampah untuk dikutip oleh pihak bertanggungjawab di kawasan kediaman mereka, sementara 44% responden melonggok dan membakar sisa buangan tersebut di kawasan rumah. Amalan kitar semula juga wujud di kalangan responden dengan mengasingkan sisa buang terlebih dahulu sebelum dihantar ke pusat kitar semula. Kajian menunjukkan bahawa 13.1% responden mengamalkan pengasingan sisa buangan, manakala 6% responden membuang sisa tersebut ke dalam sistem perparitan dan 7% lagi membiarkan sisa buangan tersebut mereput. Didapati bahawa 77.3% responden membuang sisa cecair seperti minyak ke dalam longkang atau saluran bawah tanah. Hanya segelintir (9.4%) responden yang menghantar sisa buangan cecair ke pusat kitar semula. Kajian ini mendapati bahawa sisa makanan lebih kerap dibuang dalam masa seminggu. Sebanyak 48.3% menyatakan bahawa mereka membuang sisa makanan

lebih daripada 6 kali seminggu berbanding dengan sisa buangan lain. Kekerapan pembuangan kertas dan plastik adalah kurang daripada 5 kali dalam seminggu.

Daripada segi amalan penggunaan sumber secara lestari, didapati 45% responden menggunakan bekas *styrofoam* kadang-kadang sahaja. Selain itu, kebanyakan responden mengatakan mereka selalu mengamalkan penjimatan air dan elektrik dengan masing-masingnya 68.5% dan 65.7%, manakala 47.5% responden mengamalkan penuaian air hujan untuk pelbagai kegunaan. Amalan gotong-royong pula hanya kadang-kadang sahaja dilakukan di kawasan seperti surau, sekolah dan sekitar kawasan kediaman dengan melibatkan hanya 49.0% responden.

Masalah utama yang dihadapi oleh responden di sekitar kawasan Sepang ialah pengendalian dan pemungutan sisa domestik oleh pihak berwajib. Kajian ini mendapati 48.4% responden mengatakan bahawa air sampah melimpah keluar daripada lori pengangkut sampah setiap kali sampah domestik diangkut. Pemungutan sampah di kawasan ini juga dikatakan tidak mengikut jadual dengan 32.7% responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Malahan 27.4% responden mengatakan bahawa sampah dikutip hanya sebahagian sahaja. Selain itu 26.6% responden mengatakan bahawa sampah di kawasan perumahan mereka berselerak. Dalam hal ini pengurusan sampah yang tidak betul boleh mengundang masalah kesihatan kepada penduduk.

Pengetahuan asas berkenaan alam sekitar adalah penting dalam memastikan penduduk sentiasa peka terhadap kesannya kepada alam sekitar. Selain itu, pengetahuan asas ini juga dapat membantu menentukan pencapaian objektif pengurusan alam sekitar lestari. Tanpa pengetahuan asas tentang alam sekitar, sudah pasti usaha untuk menguruskan alam sekitar menjadi tidak efisien (Jamaluddin Md. Jahi 2010). Pengetahuan asas yang dimiliki oleh responden tentang kelestarian alam sekitar tidak memadai kerana daripada kajian ini, didapati bahawa masih ramai responden tidak peka terhadap cara pembuangan sampah. Hal ini dapat dilihat apabila peratus yang membuang sampah secara longgokan dan bakar agak tinggi iaitu sebanyak 44%. Cara pembuangan sebegini boleh mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan penduduk di kawasan tersebut dan mampu merosakkan alam sekitar. Di samping itu, terdapat juga responden yang hanya membiarkan sampah mereput dan ini boleh mengakibatkan ketidakelesaan di kalangan masyarakat berikutan sampah yang dibiarkan akan mengundang haiwan pembawa penyakit seperti tikus dan lipas. Keadaan begini bukan sahaja menjejaskan kesihatan malah mencacatkan permandangan di sesebuah kawasan. Jadual 3 di bawah menunjukkan ringkasan amalan kelestarian yang dipraktikkan oleh responden.

JADUAL 3. Beberapa Petunjuk Amalan Kelestarian di Kawasan Majlis Perbandaran Sepang

Indikator	Amalan positif (%)	Amalan negatif (%)
Pembuangan sampah yang betul	58.7	41.3
Amalan kitar semula	13.1	86.9
Pengurusan sisa buangan cecair yang betul	9.4	90.6
Penggunaan bahan tak mesra alam (<i>styrofoam</i>)	44	56
Penuaian air hujan	47.5	52.5
Penjimatan tenaga elektrik	68.5	31.5
Penjimatan air	65.7	34.3
Amalan gotong royong	49.0	51.0
Pengurusan sampah oleh pihak berwajib	59.4	40.6

Sumber: Kerja lapangan 2011.

Kualiti alam sekitar yang baik dan tahap pembangunan tinggi merupakan dua elemen yang mampu mempengaruhi kualiti dan kesejahteraan hidup manusia. Dalam hal ini, bagi mengimbangi keduanya, konsep pembangunan lestari perlu dipupuk di segenap lapisan masyarakat dalam memastikan masyarakat mengamalkan gaya hidup yang sederhana (Laily Paim 2009). Pembangunan lestari hanya dapat dicapai sekiranya kecekapan pengeluaran dapat ditingkatkan serta penggunaan yang membazir dapat dielakkan. Oleh yang demikian, pendidikan formal seharusnya mampu membantu masyarakat mengetahui mengenai ilmu asas dalam penjagaan alam sekitar. Berdasarkan kajian ini, semakin tinggi taraf pendidikan semakin tinggi pengetahuan tentang penjagaan alam sekitar. Ini ditunjukkan melalui analisis *cross-tabulation* yang menunjukkan 77.5% responden yang berpendidikan dari sekolah rendah hingga kolej/universiti mempunyai pengetahuan yang tinggi berbanding 16.7% responden yang tidak mempunyai pendidikan formal.

Selain pendidikan formal, media massa juga memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa media elektronik seperti televisyen dan radio merupakan saluran utama responden di kawasan kajian mendapatkan pelbagai maklumat tentang alam sekitar, diikuti oleh media cetak seperti akhbar dan majalah. Hal ini membuktikan bahawa media massa penting dalam kehidupan manusia dan mampu bertindak sebagai pengganda sumber daya pengetahuan. Media massa berperanan sebagai alat komunikasi untuk menyampaikan maklumat kepada komuniti agar komuniti lebih peka kepada persekitaran yang sentiasa berubah dan mampu membuat adaptasi dan mitigasi terhadap perubahan tersebut. Walaupun media cetak merupakan saluran utama responden mendapatkan maklumat mengenai amalan kelestarian namun, kebanyakan ruangan dalam akhbar berkenaan lebih banyak memaparkan tentang perkara lain. Masyarakat pula lebih gemar membaca ruangan hiburan, berita semasa, sukan, ekonomi dan politik berbanding isu alam sekitar. Ini mengakibatkan masyarakat kurang peka terhadap perkembangan semasa isu alam sekitar.

Bukan itu sahaja, peranan para wartawan dalam menengahkan isu ini cukup penting dalam mendidik masyarakat untuk menjadi lebih lestari dalam kehidupan seharian. Iklan dan poster yang diedarkan pula belum tentu dapat menarik minat masyarakat untuk menyertai kempen yang diadakan. Kesedaran responden di kawasan Sepang ini boleh dikatakan masih berada pada tahap yang rendah berdasarkan kepada amalan-amalan kelestarian yang diamalkan.


Daripada segi tahap pengetahuan mengenai kelestarian alam sekitar, secara amnya kebanyakan responden di kawasan Sepang peka dan tahu, contohnya berkaitan pengurusan sisa buangan pepejal. Bagaimanapun, amalan menghantar bahan buangan yang boleh dikitar semula ke pusat kitar semula adalah kurang. Jika amalan ini berterusan tapak pelupusan sampah mungkin tidak mampu untuk menampung jumlah sisa buangan yang semakin hari bertambah (Hamidi Ismail 2004). Bagi melupuskan sisa buangan cecair pula, masih ramai responden menyalurkan sisa cecair tersebut terus ke dalam longkang atau sistem perparitan awam. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran dan amalan untuk mewujudkan sebuah persekitaran yang lestari masih perlu dipertingkatkan lagi pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, dalam hal yang melibatkan perbelanjaan dan kos, responden akan lebih berhati-hati dan mengamalkan sikap berjimat cermat misalnya dalam penggunaan air dan elektrik. Ini menunjukkan bahawa mekanisme kawalan menggunakan kos dan faedah mungkin sesuai dilaksanakan dalam beberapa aspek bagi menjamin sikap bertanggungjawab penduduk.

Satu lagi perkara yang perlu dipupuk di kalangan penduduk adalah amalan bergotong-royong dalam menjaga dan memelihara alam sekitar bagi memastikan kawasan persekitaran mereka bersih dan selamat untuk didiami. Menurut Zamri Hassan (2004), amalan gotong-royong membantu pembangunan komuniti di sesebuah kawasan kerana dapat menanam sikap bekerjasama untuk mencapai tujuan tertentu. Jika amalan ini diaplikasikan, kelestarian alam sekitar di kawasan tersebut dapat dikekalkan. Pihak berkuasa tempatan terutamanya Majlis Perbandaran Sepang perlu mengambil serius

akan hal ini untuk menarik penglibatan penduduk dalam aktiviti gotong-royong. Selain itu, masalah utama yang dihadapi oleh penduduk di kawasan ini ialah pengendalian sampah domestik misalnya melibatkan masalah air sampah yang melimpah keluar daripada lori pengangkut sampah serta jadual pemungutan sampah yang tidak teratur. Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak berkuasa tempatan perlu lebih tegas terhadap syarikat konsesi yang dilantik agar menjalankan tugas dengan lebih efisien.

Kerjasama semua pihak dapat menyumbang kepada pencapaian pembangunan lestari. Sekiranya tanggungjawab tersebut diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan sahaja, kelestarian alam sekitar sukar untuk dikekalkan dan sudah pasti masalah alam sekitar sukar untuk dibendung. Oleh itu, kerjasama dan tanggungjawab semua pihak adalah penting dalam memastikan alam sekitar bersih dan selamat

untuk didiami. Menurut Jamaluddin Md. Jahi (2010) kelemahan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang berkaitan alam sekitar menyebabkan ramai pihak yang bertanggungjawab gagal melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Pertindihan kuasa dan tanggungjawab antara kerajaan pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan juga menjadi isu berkaitan peranan yang dimainkan oleh badan berkenaan. Hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri harus ada bagi membolehkan tiada pertindihan kuasa dalam memastikan kelestarian alam sekitar. Di samping itu, orang awam, sektor swasta dan badan bukan kerajaan perlu bersama-sama peka terhadap kelestarian alam sekitar dan tidak hanya bergantung kepada satu pihak sahaja. Oleh itu dalam mencapai objektif alam sekitar lestari, suatu sistem pengurusan alam sekitar bersepadu perlu dilaksanakan seperti yang disarankan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Sistem Pengurusan alam sekitar bersepadu
 Sumber: Jamaluddin Md. Jahi 2010

Secara keseluruhannya, tahap kelestarian alam sekitar di kawasan Majlis Perbandaran Sepang ini adalah pada tahap yang sederhana berdasarkan pengetahuan dan amalan responden tersebut. Pengetahuan asas tentang kelestarian alam sekitar tidak mencukupi dalam melahirkan sebuah komuniti lestari di kawasan tersebut. Kurangnya kesedaran juga menyebabkan masalah alam sekitar semakin sukar untuk dibendung. Dalam hal ini, peranan media massa adalah penting dalam mendidik dan menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Bagi pihak berkuasa tempatan pula, mereka seharusnya sentiasa peka terhadap tanggungjawab dalam memastikan persekitaran adalah bersih dan selamat untuk didiami. Program-program yang dijalankan haruslah bersifat proaktif dan dapat menarik penglibatan orang ramai untuk mengamalkan amalan kelestarian.

Pengisian aktiviti gotong-royong misalnya seharusnya mampu menarik perhatian golongan sasaran agar tahap penglibatan meningkat. Akhir sekali, pengurusan alam sekitar secara bersepadu boleh dijadikan sebagai pendekatan utama ke arah pencapaian matlamat pembangunan lestari.

KESIMPULAN

Dalam mencapai tahap kehidupan yang lestari, pembangunan bukan sahaja perlu dilakukan dari aspek ekonomi dan sosial, alam sekitar juga perlu diberi perhatian penting kerana alam sekitar yang sihat dapat mempengaruhi keselesaan dan kesihatan sebuah kawasan di samping membekalkan sumber

semula jadi kepada hidupan untuk kelangsungan hidup. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu dipertimbangkan dengan lebih serius dalam setiap aktiviti pembangunan dan tindakan yang dilakukan. Ini kerana setiap perubahan dalam pembangunan ekonomi dan sosial secara tidak langsung akan mengubah persekitaran alam sekitar. Oleh itu, pengetahuan dan penglibatan semua pihak dalam melestarikan alam sekitar terutamanya di kawasan Sepang amat diperlukan. Penduduk perlu sedar akan peranan mereka dalam menjaga kualiti alam sekitar di kawasan mereka sendiri. Di samping itu, pihak berkuasa juga perlu sentiasa aktif mencari inisiatif baru untuk menangani masalah alam sekitar yang mendatang dengan menekankan keseimbangan antara pembangunan dengan kualiti alam sekitar. Sistem pengurusan alam sekitar bersepadu seharusnya dilaksanakan bagi menghasilkan manfaat yang lebih menyeluruh dan berkesan. Tadbir urus alam sekitar bukan sahaja bergantung kepada pihak kerajaan sahaja, namun penglibatan badan bukan kerajaan, pihak swasta, masyarakat dan individu amat digalakkan dalam mengurus dan mengekalkan kualiti alam sekitar.

RUJUKAN

- Che Su Mustaffa. 2003. Komunikasi pembangunan sebagai agen perubahan dalam menyampaikan mesej pembangunan. Dlm. *Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan*, disunting oleh Dani Salleh & Abdul Rahman Aziz, 153-162. Sintok :Universiti Utara Malaysia:
- Chelliah, T. 1990. Pendidikan alam sekitar. Dlm. *Alam Sekitar Di Malaysia : Isu dan Pengurusannya*, disunting oleh Sham Sani & Abdul Samad Hadi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Drakakis, D. S. 1997. Third World Cities: Sustainable Urban Development III^B Basic Needs and Human Rights. *Urban Studies* 34(5-6): 797-823.
- Hamidi Ismail. 2004. Sisa pepejal dan permasalahan penjanaannya di Malaysia. Dlm. *Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia*, disunting oleh Dani Salleh. Sintok: Universiti Utara Malaysia: 217-224.
- Hasnah Ali, Noraziah Ali, Maznah Ibrahim, Asmah Bee, Syarifah Yaakob & Nur' Jila Mohamad. 2010. Pengguna dan kitar semula ke arah kelestarian alam sekitar. Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA Ke 14, Hala Tuju Penyelidikan Kepenggunaan Isu dan Cabaran: 393-406.
- Ibrahim Komoo & Pereira, J. J. 2002. Pemuliharaan alam sekitar Negeri Selangor berteraskan Agenda 21: Isu, cabaran dan peluang. Dibentangkan dalam Kongres Pembangunan dan Ekonomi Negeri Selangor, Bangi, 26 – 28 Jun.
- Jamaluddin Md. Jahi. 2010. Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia: Dari Stockholm ke Rio de Janeiro dan Seterusnya. *Syarahan Perdana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laily Paim. 2009. Konsep dan Faktor Penentu Penggunaan. Dlm. *Penggunaan Lestari : Antara Cabaran & Realiti*, disunting oleh Laily Paim, Aini Mat Said & Sharifah Azizah Haron. Serdang: Universiti Putra Malaysia: 1-25.
- Mariani Hambung. 2008. Sustainable Development Awareness. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor.
- Ruslan Rainis, Noresah Mohd Shariff & Tarmiji Masron. 2006. Perubahan Konsentrasi Ruang Penduduk Semenanjung Malaysia 1980-2000. *Malaysian Journal of Society and Space* 1(1): 1-13.
- White, R & Whitney, J. 1992. Cities and the Environment: An Overview. Dlm. *Sustainable Cities : Urbanization and The Environment in International Perspective*, disunting oleh Strenettall, oleh Stren, R., Rodney White, R. & Whitney, J. Colorado: Westview Press.
- World Commission on Environment and Development (WCED). 1987. *Our Common Future*. Oxford: Oxford University Press.
- Zamri Hassan. 2004. Gotong-royong dan manfaatnya sebagai mekanisme kebajikan dan pembangunan komuniti. Dlm. *Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, disunting oleh Dani Salleh, 89-106.
- Mohd Azlan Abdullah
Noraziah Ali
Junaidi Awang Besar
Rosniza Aznie Che' Rose
Siti Khatijah Zamhari
Zuriatunfadzliah Sahdan
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mel: alit@ukm.my